

# Malaysia-China perluas aspek pelaburan, perdagangan

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**  
hafizyusoff@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Malaysia menegaskan komitmen untuk memperkuh hubungan strategik dengan China menerusi perluasan kerjasama dalam aspek perdagangan dan pelaburan.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata demikian dalam Dialog Perniagaan Peringkat Tinggi Malaysia-China di ibu negara China petang semalam, dengan menyaksikan penyertaan lebih 120 syarikat dan konglomerat utama China.

Pendirian tersebut sekali gus dapat membuka peluang baharu dalam sektor semikonduktor, nadi bumi, ekonomi biru, pendidikan, penyelidikan dan beberapa bidang lain.

“China membuka banyak peluang di Malaysia daripada pertanian hingga semikonduktor, pusat data, kecerdasan buatan (AI) dan telekomunikasi.

“Malaysia kini muncul sebagai hab tenaga dan semikonduktor rantau ini, dengan banyak syarikat antarabangsa, termasuk dari Chi-



**ANWAR Ibrahim ketika menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Shanghai (SCO) Plus yang dipengerusikan Presiden Xi Jinping di Tianjin Meijiang Convention Centre semalam. - FB ANWAR IBRAHIM**

na, menjadikan negara kita pusat operasi dan ibu pejabat serantau,” katanya menerusi kenyataan di Facebooknya semalam.

Anwar tiba di Tianjin, China, Ahad lalu bagi memulakan lawatan kerja empat hari ke negara itu, termasuk menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Shanghai (SCO) 2025.

Anwar berkata, Malaysia mempunyai banyak kelebihan membolehkan kedua-dua negara mem-

peroleh manfaat dalam pelbagai aspek demi pembangunan negara.

“Malaysia mempunyai landscape politik yang stabil dan dasar ekonomi yang jelas, daripada Strategi Semikonduktor Nasional, Pelan Hala Tuju AI Kebangsaan hinggalah kepada agenda peralihan tenaga termasuk ASEAN Power Grid.

“Di bawah inisiatif Belt and Road pula, projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) memberi

makna tersendiri kerana ia membawa pembangunan ke wilayah luar bandar dan pedalaman. Insya-Allah, kita akan membincangkan kemungkinan melanjutkan ECRL sehingga ke sempadan Thailand.

Perdana Menteri turut menyentuh mengenai tokoh korporat terkemuka Malaysia, Tan Sri Robert Kuok sebagai contoh kepercayaan jangka panjang terhadap potensi ekonomi China.